



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 OGOS 2021 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

15 OGOS 2021 (AHAD)

Kajian KKM, KPDNHEP tentu harga runcit kit ujian kendiri

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) mengkaji harga dan kos kit ujian kendiri COVID-19 untuk menentukan harga patut runcit demi kepentingan pengguna.

Menyatakan hal ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata tujuan kajian adalah untuk menentukan harga runcit alat ujian kendiri COVID-19 pada harga yang bersesuaian dan tidak membebankan pengguna.

Katanya, kit ujian itu kini menjadi keperluan penting kepada pengguna untuk mengurus dan menjaga keselamatan kesihatan secara kendiri dalam situasi semasa negara berhadapan dengan cabaran wabak COVID-19.

"KPDNHEP sedang menjalankan libat urus dan kajian kos dan harga serta bekalan alat ujian kendiri COVID-19 terhadap syarikat yang dilesenkan meliputi setiap rantai pengedaran, pembekalan hingga peringkat runcit seperti farmasi dan klinik," katanya dalam kenyataan semalam.

Pada masa sama, Alexander berkata, KPDNHEP juga menyarankan pengguna lebih berhati-hati dengan pembelian kit ujian kendiri COVID-19 di pasaran dengan membuat rujukan di laman sesawang rasmi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) di pautan <https://portal.mda.gov.my/> untuk merujuk senarai syarikat mendapat kelulusan pihak itu mengedar dan menjual kit ujian COVID19 untuk kegunaan awam.

KKM kelmarin mengesahkan 11 kit ujian kendiri COVID-19 mendapat kelulusan bersyarat dengan tujuh daripadanya menggunakan sampel air liur, manakala selebihnya calitan hidung.

KPDNHEP sedang menjalankan libat urus dan kajian kos dan harga serta bekalan alat ujian kendiri COVID-19 terhadap syarikat yang dilesenkan



**Alexander
Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna**



KIT ujian kendiri pengesan Covid-19 yang menggunakan sampel air liur. – GAMBAR HIASAN

KPDNHEP kaji kos, harga kit ujian kendiri Covid-19

Tentukan harga runcit

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA — Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang melakukan kajian kos, harga dan bekalan bagi alat ujian kendiri Covid-19 yang berada di pasaran ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kajian itu penting bagi menentukan alat ujian kendiri Covid-19 dijual pada harga bersesuaian sekali gus tidak membebankan pengguna.

Beliau berkata, pihaknya ketika ini sedang menjalankan sesi libat urus bersama syarikat-syarikat yang telah dilesenkan meliputi rantai-

pengedaran, pembekalan serta di peringkat runcit seperti farmasi dan klinik.

"Saya mengambil maklum isu harga runcit kit ujian kendiri Covid-19 yang dijual di pasaran buat masa ini.

"KPDNHEP bersama Kementerian Kesihatan (KKM) akan meneliti situasi ini dan menguruskan isu harga runcit kit ujian tersebut sebaik mungkin demi kepentingan pengguna," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Alexander berkata, kit ujian kendiri Covid-19 kini sudah menjadi keperluan penting kepada pengguna untuk mengurus dan menjaga keselamatan kesihatan secara kendiri dalam situasi se-

masa negara berhadapan dengan cabaran wabak Covid-19.

Katanya, pengguna juga dinasihatkan lebih berhati-hati dengan pembelian kit ujian kendiri Covid-19 di pasaran dengan membuat rujukan di laman web rasmi Pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA).

"Senarai penuh syarikat yang diluluskan MDA untuk mendedar dan menjual kit ujian kendiri Covid-19 untuk kegunaan awam boleh dirujuk menerusi <https://portal.mda.gov.my/>," katanya.

Semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba mengumumkan sebanyak 11 kit ujian kendiri Covid-19 sudah diluluskan KKM melalui MDA.

BACAAN PALSU PERANTIRM15

OXYMETER RAYA NYAWA



Lambakan alat pengukur oksigen darah atau oximeter murah tanpa kelulusan Pihak Berkuaasa Peranti Perubatan (MDA) dikhuatiri mengancam nyawa ramai pesakit Covid-19. Ada antara peranti semurah RM15 ini memberikan bacaan oksigen sehingga 95% walaupun dilewatkan pada kain. |apor Muhammad Saufi Hassan



LELAKI TELAN 15 PIL IVERMECTIN KERACUNAN

6.384 KEDAI GUNTING RAMBUT DITUTUP
HUTANG YURAN MAAHAD TAHEFIZ CECAH RM8 JUTA

1.3 TANIKAN PATIN UNTUK KAWASAN PKPD

MSG234678912345675

Kaji harga, kos kit ujian kendiri

Putrajaya: Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengkaji harga dan kos kit ujian kendiri Covid-19 untuk menentukan harga patut runcit demi kepentingan pengguna.

Menteri Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, tujuan kajian adalah untuk menentukan harga runcit alat ujian kendiri Covid-19 pada harga yang bersesuaian dan tidak membebankan pengguna.

"KPDNHEP sedang menjalankan libat urus dan kajian kos dan harga serta bekalan alat ujian kendiri Covid-19 terhadap syarikat-syarikat yang dilesenkan meliputi setiap rantaian pengedaran, pembekalan hingga peringkat runcit seperti farmasi dan klinik," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Nanta berkata, kit ujian kendiri Covid-19 adalah keperluan penting kepada pengguna untuk mengurus dan menjaga keselamatan kesihatan secara kendiri dalam situasi semasa negara berhadapan dengan cabaran wabak Covid-19.

Pada masa sama, Nanta berkata KPDNHEP juga menyarankan agar pengguna lebih berhati-hati dengan pembelian kit ujian kendiri



KPDNHEP sedang menjalankan libat urus dan kajian kos dan harga serta bekalan alat ujian kendiri Covid-19 terhadap syarikat-syarikat yang dilesenkan meliputi setiap rantaian pengedaran, pembekalan hingga peringkat runcit seperti farmasi dan klinik"

Alexander Nanta Linggi

di pasaran dengan membuat rujukan di laman sesawang rasmi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (eng: *Malaysia Device Authority-MDA*) di pautan <https://portal.mda.gov.my/> mengenai senarai syarikat yang diluluskan untuk mengedarkan dan menjual kit ujian bagi kegunaan awam.


'ESSENTIAL ITEM'

Covid-19 self-test kits' prices under review

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will look into the prices of Covid-19 self-test kits.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yesterday said he had ordered the ministry to collaborate with the Health Ministry to review test kit prices in the interest of consumers.

He said the ministry was conducting engagement sessions on the cost and price studies, as well



Eleven Covid-19 self-test kits have received conditional approval from the Medical Device Authority. BERNAMA PIC

as the supply of Covid-19 self-testing equipment to licensed companies from the distribution chain to the retail level, such as pharmacies and clinics.

"This is so that the test kits are sold at suitable rates.

"The kit is an essential item for consumers to manage and main-

tain their health independently during the pandemic."

The ministry said 11 kits had received conditional approval from the Medical Device Authority.

Seven of them used saliva samples, while the rest used nasal samples.

Penjualan oximeter tiruan dipantau

HULU TERENGGANU — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perigguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada mana-mana pihak agar tidak mengambil kesempatan menaikkan harga oximeter atau menjual alat bacaan tahap oksigen tiruan.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, tindakan keras boleh diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan 2011 dan Akta Cap Dagangan 2019 terhadap pihak terlibat.

“Walaupun penjualan alat kesihatan termasuk oximeter di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan (KKM) tetapi KPDNHEP boleh mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya melibatkan penjualan barang tiruan atau harga melebihi sepatutnya.



OXIMETER kini menjadi satu keperluan kepada orang ramai. — AFP

“Begitupun tiada aduan berhubung perkara tersebut diterima KPDNHEP setakat ini,” katanya ketika ditemui selepas mengedarkan Jalur Gemilang di Sekolah Kebangsaan Tanggol di

sini semalam.

Terdahulu penjualan oximeter meningkat mendadak selepas pelawak terkenal, Shuib berkongsi kepentingan alatan itu di media sosial.

Lapor jika beli oximeter tiruan - KPDNHEP

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) belum menerima laporan tentang penjualan alat pengukur kadar oksigen iaitu oximeter tiruan dalam pasaran.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid meminta orang ramai segera membuat laporan rasmi kepada pihaknya jika terbeli alat pengukur tiruan atau palsu.

Menurut beliau, secara asasnya penjualan alat kesihatan berada di bawah kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), namun KPDNHEP boleh mengambil tindakan apabila ia dijual dengan harga tinggi dan didapati tiruan.

"Bila ada laporan, kita akan siasat di bawah Akta Perihal Dagangan 2009 sekiranya alat dijual menggunakan cap dagang berdaftar yang palsu dan Akta Kawalan Harga dan Pencatutan 2011 kerana harga melampau.

"Jadi kita minta jika ada maklumat, buat laporan kepada kita untuk jalankan siasatan tapi perlu maklumat lengkap termasuk resit pembelian," katanya selepas meninjau Pusat Pemberian Vaksin Outreach di Sekolah Kebangsaan Tanggol, Kuala Berang di sini pada Sabtu.



Rosol (dua dari kiri) mengagihkan bendera dan bertanya khabar penduduk yang hadir menerima vaksin di SK Tanggol pada Sabtu.